

## SIARAN BERITA

31 Januari 2022

*Untuk Siaran Segera*

### **SME BANK DAN SME CORP. MALAYSIA PERUNTUK RM50 JUTA TAMBAH BAIK KEMUDAHAN MODAL KERJA@BAP**

---

**KUALA LUMPUR: 31 Januari 2022** – SME Bank telah menandatangani persetujuan dengan SME Corp. Malaysia (SME Corp.) bagi menawarkan pembiayaan modal kerja tetap di bawah kemudahan Modal Kerja@BAP untuk usahawan PKS yang terjejas akibat pandemik Covid-19 melalui peruntukan dana berjumlah RM50 juta.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), YB Tan Sri Noh Haji Omar berkata, “Modal Kerja@BAP merupakan satu usaha sama dua buah agensi di bawah seliaan MEDAC yang berjaya menyepadukan bantuan menyeluruh khusus untuk membawa perniagaan PKS ke aras lebih tinggi. Sejak diperkenalkan pada 2011, Kerajaan melalui SME Corp., telah menyediakan dana pusingan (*revolving fund*) sebanyak RM151.5 juta bagi Program BAP dan SME Bank bertindak sebagai agensi yang mengurus dan mengagihkan dana ini.”

“Kerajaan yakin tahun 2022 akan menjadi tahun untuk sektor PKS terus bangkit dan meningkatkan trajektori pertumbuhan. Ini disokong dengan Bajet 2022 yang memperuntukkan sebanyak RM14.2 bilion untuk sektor PKS serta Pelan Pemulihan Nasional (PPN) yang memberi fokus terhadap pemacuan pemulihan ekonomi, memastikan kelestarian dan kemapanan serta pada masa yang sama mendorong peningkatan teknologi dan inovasi,” tambah Tan Sri Noh.

*...lagi*

**MUKA SURAT 2/3: SME BANK DAN SME CORP. MALAYSIA PERUNTUK RM50 JUTA TAMBAH BAIK KEMUDAHAN MODAL KERJA@BAP**

Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia, Rizal Nainy berkata, “Masih terdapat banyak PKS yang memerlukan suntikan dana bagi memastikan mereka dapat terus beroperasi semasa dan pasca-pandemik Covid-19. Usahawan PKS dapat memanfaatkan dana ini kerana tidak perlu mengeluarkan dana tambahan kerana syarat cagaran 5% daripada jumlah pembiayaan diambil terus daripada pembiayaan yang diluluskan.”

Tambah Rizal, “Pembiayaan modal kerja tetap ini bertujuan untuk membantu PKS yang terjejas akibat pandemik Covid-19 meneruskan operasi syarikat dengan cara memudahkan proses mendapatkan pembiayaan melalui penggunaan format penilaian yang lebih ringkas dan fokus kepada jenis pembiayaan yang diperlukan.”

Presiden Kumpulan / Ketua Pegawai Eksekutif SME Bank, Aria Putera Ismail berkata, “Sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk menguruskan dana tersebut, SME Bank telah meluluskan pembiayaan kepada 542 buah syarikat dengan nilai pembiayaan RM247.35 juta sejak tahun 2011.”

Aria menambah, “SME Bank dan SME Corp. Telah bersetuju untuk memberi fleksibiliti kepada PKS bagi menggunakan dana RM50 juta ini bagi pembiayaan modal kerja tetap yang merangkumi perbelanjaan operasi, gaji dan lain-lain. Sebelum ini, pembiayaan modal kerja bagi BAP adalah terhad untuk projek ubahsuai, pembelian bahan mentah dan inventori. Jumlah pembiayaan adalah sehingga RM500,000 bagi setiap syarikat dengan kadar keuntungan sebanyak 4% setahun.”

Program BAP dibuka kepada semua usahawan PKS yang memenuhi syarat-syarat iaitu mempunyai sijil status pendaftaran PKS, memenuhi definisi PKS, telah melalui atau bersedia untuk melalui penilaian SCORE / MSCORE oleh SME Corp. Bagi maklumat penuh berkenaan Kemudahan Modal Kerja@BAP, sila layari laman web [www.smebank.com.my](http://www.smebank.com.my) atau [www.smecorp.com.gov.my](http://www.smecorp.com.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan SME Bank di 03- 26037700.

*...lagi*

**MUKA SURAT 3/3: SME BANK DAN SME CORP. MALAYSIA PERUNTUK RM50 JUTA TAMBAH  
BAIK KEMUDAHAN MODAL KERJA @BAP**

- Tamat -

***Mengenai SME Corp***

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), penyelaras program pembangunan PKS, penilaian ekonomi serta pengakreditasi PKS, pembangunan perniagaan dan program sokongan, dan juga fasilitasi akses PKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

***Mengenai SME Bank***

*Sebagai peneraju Institusi Kewangan Pembangunan (DFI) yang menawarkan perkhidmatan kepada sektor PKS, kami beroperasi sebagai sebuah pusat setempat yang menawarkan kemudahan pembiayaan dan program pembangunan perniagaan untuk para usahawan.*

*Seiring dengan Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030, SME Bank bermatlamat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara melalui inisiatif-inisiatif yang berimpak tinggi seperti penggunaan teknologi digital dan Revolusi Perindustrian (IR 4.0). Untuk maklumat lanjut, sila layari: [www.smebank.com.my](http://www.smebank.com.my)*

**Siaran Berita bersama ini dikeluarkan oleh:**

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA  
(SME CORP. MALAYSIA)

Tingkat 6, Blok B, Platinum Sentral

Jalan Stesen Sentral 2

Kuala Lumpur Sentral

50470 Kuala Lumpur

Tel : 1300-30-6000

Faks : 603-2775 6001

E-mail : [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)

Laman web : [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my)

Bahagian Komunikasi Strategik

SME Corp. Malaysia

**Pn . Raja Rozaila bt Raja Azman**

03-27756203 atau 016-3322121

[rozaila@smecorp.gov.my](mailto:rozaila@smecorp.gov.my)

Jabatan Komunikasi Strategik Kumpulan SME Bank  
Abdul Latiff bin Puteh Ketua, Komunikasi Strategik Kumpulan  
No. Tel. Bimbit : 019-9112826  
Tel: 03-2615 2954  
E-mel: [abdul.latiff@smebank.com.my](mailto:abdul.latiff@smebank.com.my)  
Aras 18, Menara SME Bank, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur